

10.6.2022

Siaran Media

oleh YAB TUAN CHOW KON YEOW

Chief Minister of Penang dan Chairman of Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) and PBA Holdings Bhd (PBAHB).

## **KM PULAU PINANG BUKA PUSAT PENTADBIRAN PBAPP “YANG DIPERKEMASKAN” DI SUNGAI DUA**

SAYA berasa amat sukacita untuk merasmikan pembukaan pusat pentadbiran Loji Rawatan Air Sungai Dua yang diperkemaskan di Seberang Perai Utara (SPU). Kerja-kerja pengemaskinian pusat pentadbiran ini telah bermula pada Oktober 2019 dan siap pada Oktober 2020. Kos projek ini ialah RM2.73 juta.

Pusat pentadbiran Loji Rawatan Air Sungai Dua telah diperkemaskan dengan 5 pertimbangan utama berikut:

1. Loji Rawatan Air Sungai Dua telah dibuka secara rasmi oleh Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussein, Perdana Menteri Malaysia kedua pada tahun 1973. Pada tahun hadapan, pada tahun 2023, akan genap 50 tahun perkhidmatannya di Negeri Pulau Pinang.
2. Kapasiti rawatan Loji Rawatan Air Sungai Dua telah dinaik taraf sebanyak 7 kali sejak 1973. Bagaimanapun, ini adalah kali pertama PBAPP memperkemaskan pusat pentadbirannya secara menyeluruh sejak 49 tahun lalu.
3. Loji Rawatan Air Sungai Dua adalah aset air terpenting Pulau Pinang. Kini, ia mengeluarkan lebih 80% air terawat yang dibekalkan di seluruh Seberang Perai dan Pulau Pinang. Oleh yang demikian, loji ini, termasuk pusat pentadbirannya, diuruskan untuk mematuhi keperluan pensijilan ISO berikut:
  - ISO 9001:2015 untuk Kualiti;
  - ISO 45001: 2018 untuk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
  - ISO/IEC 27001:2013 untuk Keselamatan Informasi; dan
  - MS ISO/IEC 17025:2005 untuk Pengujian Air.

4. Loji ini mesti diurus dengan cekap kerana ia memainkan peranan utama dalam membolehkan PBAPP menghasilkan air terawat yang “paling murah” di Pulau Pinang. Ia telah membantu PBAPP mengekalkan tarif air terendah di Malaysia untuk majoriti pengguna air domestik Pulau Pinang yang menggunakan kurang daripada 35,000 liter sebulan. Ia juga membolehkan PBAPP menawarkan tarif air perniagaan yang sangat kompetitif kepada kilang, hotel dan pengendali perniagaan lain.
5. PBAPP perlu memastikan Loji Rawatan Air Sungai Dua terus beroperasi dengan lancar dan cekap sehingga tahun 2050. Kami memerlukan loji ini untuk terus membekalkan sejumlah besar air terawat, menggunakan teknologi rawatan air konvensional, sehingga kami dapat menggunakan teknologi lain, seperti penyahgaraman, untuk memenuhi permintaan air Pulau Pinang pada masa hadapan.

Secara ringkasnya, projek “memperkemaskan” pusat pentadbiran Loji Rawatan Air Sungai Dua ini adalah perlu dan tepat pada masanya.

Seperti yang anda lihat, fakad (*facade*) baharu loji pentadbiran kini memperlihatkan imej yang lebih “hijau” dan mesra alam. Malah, imej “hijau” ini bukan sahaja untuk pertunjukan. Ia disokong oleh faedah dunia sebenar.

Lebih banyak “kawasan terbuka” telah dibina untuk menyokong aliran udara semula jadi dan mengurangkan kos penyaman udara. Pencahayaan semula jadi untuk pelbagai ruang telah dioptimumkan untuk membolehkan lebih banyak cahaya matahari masuk, sekali gus mengurangkan kos pencahayaan.

Semua poin paip dan sistem tandas di bangunan ini telah dipasang dengan peranti jimat air untuk menggalakkan penjimatan air, sejajar dengan promosi budaya jimat air PBAPP dalam sebuah negeri yang kekurangan air dan untuk mengurangkan pelepasan air sisa.

PBAPP juga telah mengemas kini pusat pentadbiran ini untuk menempatkan lif khas dan tandas untuk pelawat kurang upaya, supaya mereka boleh mengakses kesemua 3 tingkat dengan mudah dan selesa.

Izinkan saya untuk mengulangi bahawa ini adalah pusat pentadbiran loji rawatan air terpenting di Pulau Pinang.

Oleh itu, saya berbesar hati untuk mengambil maklum bahawa PBAPP telah mengambil kira keperluan operasi moden, pertimbangan keselamatan, mesra alam, keberkesanan kos dan keperluan khas dalam memperkemaskannya.

Selain merasmikan pembukaan pusat ini, saya juga berada di sini hari ini untuk meninjau kemajuan “Fasa 2 Projek Naik Taraf Tangki Pemendapan” di sini. Apabila beroperasi sepenuhnya, projek ini akan membolehkan LRA Sungai Dua menghasilkan lebih banyak air terawat. Ia mesti beroperasi sebelum akhir tahun ini tepat pada masanya untuk mengurangkan isu bekalan air yang amat mendesak di SPS.

Kemudian, saya juga akan melawat tapak cadangan Pakej 12A Loji Rawatan Air Sungai Dua yang akan disegerakan bagi meningkatkan lagi kapasiti loji ini menjelang 2023. Projek ini telah bermula pada Mac 2022 dan saya telah mengarahkan PBAPP untuk menyiapkan projek ini pada Disember 2023 seperti yang dijadualkan.

Akhir sekali, saya akan melawat Makmal Pusat PBAPP yang canggih yang bertanggungjawab untuk persampelan dan pengujian air secara berterusan setiap hari. Makmal ini membantu memastikan air terawat PBAPP adalah antara yang paling bersih, selamat dan paling sihat yang dibekalkan oleh operator air di Malaysia.

Ia telah memenangi 5 “Anugerah Kecemerlangan IKM” berturut-turut daripada Institut Kimia Malaysia. Makmal Pusat PBAPP kini merancang untuk menawarkan perkhidmatannya kepada pelanggan luar.

Sekian, Terima kasih

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)





**PBAPP's new administration centre, Sungai Dua WTP.**